

PEMBINAAN LAMAN WEB KERJAYA BAGI PELAJAR
DIPLOMA UKUR TANAH DI POLITEKNIK

RASMA BINTI ABDUL RASID

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071111 3

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL : PEMBINAAN LAMAN WEB KERJAYA BAGI PELAJAR
DIPLOMA UKUR TANAH DI POLITEKNIK.

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya _____ RASMA BINTI ABDUL RASID (GT020174)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENULIS)



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap: LOT: 10038,
KG. SERDANG BARU,
21200, K. TERENGGANU.

EN. ASRI SELAMAT
Nama Penyelia

Tarikh: **30 SEPTEMBER 2003**

Tarikh: **30 SEPTEMBER 2003**


CATATAN:

* Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya/~~kami~~* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya/~~kami~~* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : ENCIK ASRI SELAMAT

Tarikh : 30 September 2003

**PEMBINAAN LAMAN WEB KERJAYA BAGI PELAJAR
DIPLOMA UKUR TANAH DI POLITEKNIK**

RASMA BINTI ABDUL RASID

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional


Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

30 SEPTEMBER 2003

PENGAKUAN

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.”

Tandatangan :



.....

Nama Penulis : Rasma binti Abdul Rasid

Tarikh : 30 September 2003

DEDIKASI

*Ayahanda dan Bunda tersayang,
Abdul Rasid Abdul Wahab dan Meriam Embong
Kejayaan ini milik kalian...
Tanpa kalian siapalah diri ini...*

*Buat suami tercinta,
Mohd. Ridzuan Hasan
Kasih sayang mu begitu bermakna buatku...
Diri ini milikmu selamanya...*

*Semua Ahli Keluarga yang dikasihni,
Semoga Allah merahmati kita semua...*

*Sahabatku Dunia Akhirat,
Husnira, Lien, Mieza, Indri, Intan, Sue, Tip dan Yati.*

*Serta,
Rakan-rakan seperjuangan
Semoga diberkati Allah s.w.t*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah syukur dengan limpah dan rahmat-Nya, kajian dan penulisan bagi Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional ini dapat disiapkan sepenuhnya dengan sempurnanya.

Pertamanya jutaan terima kasih kepada penyelia projek sarjana Encik Asri Selamat, yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan serta tunjuk ajar di sepanjang pelaksanaan projek ini. Para panel yang bertanggungjawab membuat penilaian terhadap hasil kajian ini dan memberikan komen yang membina iaitu Encik Shariman Mustafa bertindak sebagai penilai PS1 dan Dr. Wahid Razzally serta Tuan Hj. Mohd. Yusop Abd. Hadi selaku panel penilai PS2.

Ucapan terima kasih juga kepada Encik Mohd Jalil bin Che Yusof, Encik Adnan Bin Ismail, Encik Wan Muhammad Shahril dan Cik Suriawati Bte Jusoh merangkap staf dan pensyarah POLISAS yang telah banyak memberikan sumbangan dan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan projek ini. Para pelajar DUT 5 dan DUT 6, POLISAS, atas kerjasama yang diberikan dalam mengisi borang soal selidik.

Juga tidak ketinggalan kepada rakan-rakan seperjuangan dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian dan projek sarjana pendidikan ini. Terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

UT merupakan satu bidang kerjaya yang tidak asing lagi di Malaysia. Kepesatan dan kemajuan negara terutama sekali yang berkaitan dengan tanah menjadikan kerjaya ini semakin mencabar. Persoalannya, sejauhmanakah pelajar DUT mendapat pendedahan kerjaya yang secukupnya sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. Kajian ini dibangunkan bertujuan untuk menyingkap persoalan tersebut. Kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam LI telah dikenalpasti melalui pengedaran borang soal selidik kepada 48 orang responden di POLISAS. Majority responden menyatakan bahawa masalah utama yang dihadapi adalah kekurangan input maklumat kerjaya dan isu-isu terkini yang berlaku dalam bidang UT. Hasil daripada dapatan kajian, sebuah berfokuskan kepada pendedahan kerjaya UT telah dibina sebagai satu pendekatan baru bagi meyalurkan maklumat kerjaya kepada pelajar DUT.

ABSTRACT

UT is the one of the common career in Malaysia. Development of the country especially in the land sector rapidly nowadays is one of the challenging factors in this career. The question is, how far DUT students get enough career information as the preparation before become to real job situation? The purpose of this study is to get that conclusion. The advantages and disadvantages in the LI were recognized by distributed questionnaires to 48 respondents in the POLISAS. The questionnaires is also included the respondent's opinion about UT career information website. Lack of input career information and current issues about UT career are the main problem among the majority respondents. From the finding of this study, *UT2U* website was build as the new method in giving career information to DUT students.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	3
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	6
	1.8 Definisi Operasional	7

1.8.1	Bidang UT	7
1.8.2	Pendedahan Bidang Kerjaya	7
1.8.3	Pelajar	8
1.8.4	Kurikulum	8
1.8.5	Laman Web	8

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Peluang Pekerjaan Jurukur	10
2.3	Pengambilan Pekerja	11
2.4	Latihan dan Deskriptif Tugas Jurukur	12
2.5	Kurikulum Pendidikan Ukur Tanah	15
2.6	Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan	18
	2.6.1 Internet	18
	2.6.2 <i>World Wide Web</i>	19
2.7	Komponen-komponen Web	20
	2.7.1 Pelayar Web	21
	2.7.2 Hiperteks	21
	2.7.3 Laman Web	22
2.8	Kriteria Pembangunan Laman Web	23
	2.8.1 Objektif	23
	2.8.2 Rekabentuk	23
	2.8.3 Lakaran	24
	2.8.4 Kandungan	24
	2.8.5 Konsisten	24
	2.8.6 Kerangka	25
	2.8.7 Paparan	25
	2.8.8 Menarik	25
	2.8.9 Sambungan	26

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Responden Kajian	29
3.4	Instrumen Kajian	29
	3.4.1 Soalan Kaji Selidik	30
3.5	Kajian Rintis	32
3.6	Analisis Data	32
	3.6.1 Kaedah Analisis Nilai Skor Min	33
3.7	Andaian	33

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	34
4.2	Bahagian A : Latar Belakang Responden	35
	4.2.1 Aspek Demografi Responden	35
	4.2.1.1 Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	35
4.3	Bahagian B : Kajian Keperluan dan Pengisian Laman Web	37
	4.3.1 Analisis Berdasarkan Min dan Sisihan Piawai	37
	4.3.2 Analisis Berdasarkan Peratusan	40
4.4	Bahagian C : Cadangan Rekabentuk dan Pembangunan Laman Web	44

BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	47
5.2	Perbincangan	47

5.2.1	Persoalan Kajian 1 : Sejauhmanakah Tahap Penggunaan Laman Web Untuk Tujuan Akademik Di Kalangan Pelajar UT?	48
5.2.2	Persoalan Kajian 2 : Sejauhmanakah Para Pelajar DUT Mendapat Pendedahan Bidang Kerjaya Semasa Menjalani LI?	49
5.2.3	Persoalan Kajian 3 : Apakah Pengisian Laman Web Yang Perlu Dibuat Bagi Memantapkan Persediaan Pelajar Sebelum Memasuki Alam Pekerjaan?	53
5.2.4	Persoalan Kajian 4 : Apakah Rekabentuk Laman Web Yang Sesuai Bagi Menyalurkan Maklumat Kerjaya Kepada Pelajar UT?	54
5.3	Kesimpulan	56
5.3.1	Kesimpulan Dapatan	57
5.4	Cadangan	59
5.4.1	Pihak Pensyarah Jabatan UT Politeknik	59
5.4.2	Pelajar DUT	60
5.4.3	Pengkaji Akan Datang	60

BAB VI REKABENTUK PRODUK

6.1	Pengenalan	61
6.2	Teori Penghasilan Produk	61
6.3	Fasa Penyiasatan Awal	64
6.4	Fasa Rekabentuk Konseptual	64
6.4.1	Merekabentuk Skrin	65
6.4.2	Melukis Carta Alir dan Menulis Pseudokod	66
6.5	Fasa Rekabentuk Logikal	66
6.6	Fasa Rekabentuk Fizikal	66
6.7	Fasa Pembangunan Laman Web <i>UT2U</i>	67
6.7.1	Rekabentuk Produk	68

6.7.1.1	Membina Folder	68
6.7.1.2	Membina Antaramuka Web	68
6.7.1.3	Membina Pautan (<i>Hyperlink</i>)	70
6.7.1.4	Membina Elemen Animasi	70
6.7.1.5	Melayarkan Kepada Rangkaian Setempat	71
6.8	Permasalahan Pembinaan Produk	71
RUJUKAN		72
LAMPIRAN A		77
LAMPIRAN B		83
LAMPIRAN C		85
LAMPIRAN D		87
LAMPIRAN E		93

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Tahap item-item skala likert	31
3.2	Pengiraan ukuran serakan menggunakan julat min	33
4.1	Pengiraan ukuran serakan menggunakan julat Min	38
4.2	Skor min, kriteria dan sisihan piawai bagi setiap sub-Bahagian B	38
4.3	Skor min, kriteria dan sisihan piawai bagi Setiap item soalan berhubung cadangan rekabentuk dan pembangunan laman web di kalangan pelajar DUT.	44

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Contoh <i>tag</i> yang digunakan	22
4.1	Peratusan responden mengikut jantina	36
4.2	Peratusan responden mengikut tahap pencapaian Akademik	36
4.3	Taburan kekerapan berhubung kekerapan penggunaan laman web di kalangan pelajar DUT	41
4.4	Taburan kekerapan berhubung pengalaman dan pendapat dalam menjalani latihan industri di kalangan pelajar DUT	42
4.5	Taburan kekerapan berhubung pengetahuan am berkaitan bidang UT di kalangan pelajar DUT	43
4.6	Taburan kekerapan berhubung cadangan rekabentuk dan pembangunan laman web di kalangan pelajar DUT	46
6.1	Kerangka teori bagi pembinaan laman web	63
6.2	Metodologi kajian	63
6.3	Rekabentuk skrin pada menu utama	65
6.4	Aktiviti fasa pembangunan	67
6.5	Antaramuka bagi menu pengenalan laman web <i>UT2U</i>	69
6.6	Antaramuka bagi menu Bidang Berkaitan laman	

	web <i>UT2U</i>	69
6.7	Antaramuka bagi menu Isu Ukur Tanah laman web <i>UT2U</i>	69
6.8	Penggunaan <i>button</i> bagi menghubungkan lain-lain menu	70
6.9	Contoh animasi yang dibina bagi laman web <i>UT2U</i>	71

SENARAI SINGKATAN

DUT	:	Diploma Ukur Tanah
JUPEM	:	Jabatan Ukur Tanah dan Pemetaan Malaysia
JTB	:	Jurukur Tanah Berlesen
LI	:	Latihan Industri
UT	:	Ukur Tanah
POLISAS	:	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
ABT	:	Agensi Berkaitan Tanah
KTN	:	Kanun Tanah Negara
SPSS	:	<i>Statistical Package for Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	77
B	Pekali Kebolehppercayaan Kajian Rintis	83
C	Analisis Data Skor Min	85
D	Analisis Data Frekuensi	87
E	Carta Alir Perancangan Antaramuka	93

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang UT merupakan salah satu daripada bidang kejuruteraan yang ditawarkan di lima buah politeknik terpilih di Malaysia. Bidang ini secara umumnya menawarkan kepada para pelajar tentang pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kadastra dan topografi serta teknik-teknik kerja lapangan yang membabitkan bidang UT.

Apabila menyentuh tentang kadastra dan topografi lazimnya terdapat pelbagai kemahiran dan teori yang berkaitan dengan teknologi komputer, matematik dan ilmu geografi akan dihubungkan. Kesemua skop ilmu pengetahuan tersebut perlu dikuasai oleh para pelajar bidang UT sebelum memasuki alam pekerjaan (Mohd. Safie Mohd , 1996).

Namun begitu sebelum menempuh alam kerjaya, persediaan yang perlu para graduan UT miliki adalah pelbagai bentuk pendedahan tentang perkembangan teknologi dan isu-isu terkini terutama yang melibatkan agensi UT . Ini kerana selain daripada penguasaan terhadap bidang akademik dan kemahiran dalam pengendalian pelbagai peralatan UT, mereka juga perlu mengikuti perkembangan semasa yang berlaku dalam bidang UT bagi memastikan mereka tidak ketinggalan apabila menempuh alam kerja yang sebenar.

Selain daripada perkembangan teknologi komputer, para graduan UT juga harus menguasai pelbagai cabang ilmu yang mempunyai kaitan langsung dengan bidang ini seperti pengurusan, pentadbiran dan juga kemahiran komunikasi yang baik. Kesemua ilmu ini tidak mungkin dapat diperolehi sepenuhnya semasa di alam pembelajaran di politeknik sekiranya tidak diberi pendedahan yang sewajarnya sebagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan yang sebenar.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kurikulum di politeknik memberi lebih penekanan dalam latihan teknikal dan tidak hanya bergantung terhadap aspek teori semata-mata. Ini kerana matlamat utama politeknik di Malaysia adalah untuk melahirkan para graduan yang berkemahiran serta mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja mengikut bidang yang diceburi (Zakaria Kasa et.al, 1987). Persekitaran kerja pada masakini adalah sangat mencabar dan memerlukan komitmen yang tinggi terutama bagi graduan yang baru menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

Menurut Abdul Rahim Busu (1987), suasana industri yang bertambah kompleks dari semasa ke semasa, perubahan teknologi yang pesat dan persaingan antarabangsa, memerlukan tenaga kerja yang dididik dan dilatih supaya boleh membuat sesuatu kerja itu dengan cekap dan berkesan. Di samping faktor bebanan kerja yang banyak, seseorang pekerja yang berkualiti itu juga perlu peka terhadap perkembangan semasa yang berlaku termasuk perkembangan teknologi komputer. Ini tidak terkecuali bagi graduan bidang UT.

Selain daripada memerlukan kemahiran dalam pengendalian peralatan ukur, graduan UT juga perlu mengambilkira perkembangan teknologi perisian komputer yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Bukan setakat itu sahaja malah mereka juga terlibat secara langsung dalam aspek pengurusan data, komunikasi

dengan pihak klien dan juga hal-hal pentadbiran (Ghazali Desa, 1995). Maka dengan itu pendedahan awal terhadap prospek kerja adalah amat penting bagi pelajar UT. Ini bagi memastikan mereka dapat membuat persediaan yang mantap sama ada dari segi fizikal mahupun mental.

Apabila menyentuh tentang soal persediaan kerja pula, rata-rata para graduan akan sering dihantui perasaan kurang keyakinan diri, bimbang tidak mampu mengaplikasikan teori dan teknik sewaktu belajar dengan masalah kerja yang sebenar dan pelbagai lagi bentuk dilema kerja (Suriatini Ahmad, 1998). Paling mendukacitakan apabila berlaku keadaan di mana kerja yang ditugaskan di luar kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari sedangkan ianya masih di ruang lingkup bidang kerja kita. Berdasarkan permasalahan inilah pengkaji berhasrat untuk menjalankan kajian ini bagi melihat pendedahan terhadap realiti dan prospek kerjaya dalam bidang UT di politeknik.

1.3 Penyataan Masalah

Bidang UT merupakan satu bidang yang telah dipelopori oleh negara-negara Barat sejak 1900 an lagi dan perkembangan teknologi tersebut telah menular ke negara-negara Timur yang telah maju seperti Jepun dan China sekitar 1930 an. Malaysia pula menerima teknologi ini sekitar 1970 an (Taher Buyong, 1990). Menurut Ghazali Desa (1995), dalam sekitar 1980 an tidak banyak teknologi seperti aplikasi GIS dan Remote Sensing dalam bidang UT dapat dilaksanakan. Ini kerana ianya melibatkan kos yang tinggi bagi menyediakan kelengkapan peralatan dan perisian teknologi komputer bagi memudahkan kerja terutama sekali bagi projek yang melibatkan data yang banyak.

Pernyataan ini membuktikan bidang ini adalah masih baru bertapak di Malaysia. Walaupun UT sebenarnya tidak asing bagi masyarakat jurutera, namun perkembangan teknologi dalam bidang ini menjadikan kerjaya ini semakin

mencabar. Lantaran itu terdapat banyak masalah seperti kekurangan bahan rujukan dan persaingan dengan jurusan yang telah lama mendapat tempat di kalangan masyarakat industri kerja yang juga berkaitan dengan teknologi komputer seperti Sains Komputer dan Perancang Bandar dan Wilayah. Ekoran daripada itu timbul masalah di kalangan para graduan seperti kekeliruan terhadap lapangan tugas dan peluang-peluang kerjaya yang dikhususkan buat mereka. Dengan itu dirasakan perlu adanya satu kajian yang khusus terhadap keperluan kerja bagi membina kerjaya yang lebih baik sebagai graduan UT.

Pendedahan terhadap realiti bidang kerja juga dilihat sebagai perlu bagi memastikan para pelajar dapat membuat persediaan yang lebih mantap yang boleh dianggap sebagai bimbingan kerjaya. Menurut Suriatini Ahmad (1998), bimbingan kerjaya adalah perlu. Ianya boleh melibatkan sama ada aktiviti analisis pekerjaan yang perlu dibuat dan selalu dikemaskini. Selain daripada pengetahuan dan kemahiran terlibat, perkara-perkara seperti tanggungjawab, tabiat kerja yang baik dan kebolehan untuk bekerjasama dengan rakan-rakan sekerja dan majikan perlu didedahkan.

Abdul Rahim Busu (1987) pula menyatakan hubungkait yang lebih rapat antara pendidikan, latihan dan pengalaman kerja mestilah dijadikan ciri-ciri utama dalam pembentukan struktur dan kurikulum pendidikan teknik dan vokasional. Persoalan yang timbul sekarang ialah adakah corak kurikulum di politeknik dalam konteks untuk memberi gambaran sebenar dan cabaran kerjaya khususnya dalam bidang UT ini memadai.